

18/12/1997

Kurangkan bayaran (HL)

Radzi Wahab; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta hospital swasta supaya memberikan potongan bayaran perubatan kepada pesakit tempatan berikutan kegawatan ekonomi yang dialami negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, pengurangan bayaran itu perlu kerana pendapatan penduduk negara ini sudahpun susut 45 peratus berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, sejak Julai lalu.

"Bagaimanapun, hospital swasta boleh mengenakan bayaran lebih tinggi kepada pesakit asing kerana nilai mata wang mereka tidak terjejas," katanya ketika merasmikan Pusat Perubatan Gleneagles Intan (GIMC) Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Turut hadir, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, Penge-rusi GIMC, Tan Sri Abu Talib Othman dan Ketua Pegawai Eksekutif GIMC, Dr Wong Hee Ong.

Dr Mahathir berkata, Chua dalam mesyuarat Kabinet hari ini memberitahu hospital kerajaan ketika ini menerima lebih ramai pesakit yang secara tidak langsung bermakna mereka tidak mampu mendapatkan rawatan di hospital swasta.

Sehubungan itu, katanya, hospital swasta perlu mengurangkan gaji dan elaun kakitangan bagi mengurangkan kos perkhidmatan dan dengan demikian boleh mengenakan caj lebih rendah kepada pesakit, terutama mereka yang miskin.

Beliau berkata, gaji menteri dan pegawai kanan sektor awam sudahpun dipotong sebanyak 10 peratus dan dengan ini tiada salahnya sektor swasta, terutama hospital swasta mengenakan potongan yang sama terhadap kakitangan mereka.

"Saya tidak tahu berapa banyak potongan itu, tetapi saya harap hospital swasta sudah tentu berminat untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara dan membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, hospital swasta boleh mengenakan caj yang lebih tinggi kepada pesakit asing, misalnya kalau dulu mereka mengenakan RM250 tetapi sekarang bolehlah kenakan RM391, iaitu mengikut kadar pertukaran ringgit dan dolar Amerika.

Sambil menyifatkan taraf hidup penduduk negara ini berbeza dengan sebahagian daripadanya menikmati kehidupan lebih baik daripada yang lain, beliau berkata, situasi itu menyebabkan rakyat berpendapatan rendah terpaksa mendapatkan rawatan di hospital kerajaan yang mengenakan caj rendah.

Perkhidmatan baik hospital swasta, katanya, boleh menarik lebih ramai pesakit berpendapatan rendah yang selama ini bergantung kepada hospital kerajaan.

Dr Mahathir berkata, hospital swasta perlu menawarkan perkhidmatan menarik bukan saja dari segi kemudahan, tetapi caj untuk memikat lebih ramai pesakit tempatan mendapatkan rawatan.

Menurutnya, beliau juga berharap hospital swasta akan dapat menarik pesakit dari luar negara dan secara tidak langsung mengeksport perkhidmatan itu.

"Selain itu saya harap hospital memberi lebih banyak perkhidmatan kepada penduduk Kuala Lumpur yang kian bertambah ramai.

"Sudah tentu hospital kerajaan tidak mungkin menyediakan khidmat mencukupi untuk merawat pesakit di ibu negara," katanya.

GIMC yang berharga RM165 juta menyediakan 330 katil dan sembilan bilik

pembedahan. Ia usaha sama Tan & Tan Developments Berhad, Gleneagles (M)  
Sdn Bhd, Insas Bhd dan PNB Equity Resource Corporation Sdn Bhd.  
(END)